

Headline	Sumbangan RM25,000 ringankan beban MyKasih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Pendidikan	Circulation	192,982
Page No	31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,076
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,227



Sumbangan RM25,000 ringankan beban MyKasih

Puchong: Syarikat pengeluar anti-septik berjenama Dettol, Reckitt Benckiser, menyerahkan sumbangan bernilai RM25,000 kepada organisasi kebajikan, MyKasih, bertujuan meringankan beban golongan kurang berkemampuan bersempena Ramadan dan Aidilfitri ini.

Pengarah Jualan Reckitt Benckiser, Raghu Krishnan, berkata sumbangan itu dikumpul menerusi Kempen Amal Ramadan dianjurkan syarikat berkenaan di Pasaraya Giant seluruh Semenanjung Malaysia, bermula dari 20 Jun hingga 8 Julai lalu.

“Melalui kempen dianjurkan dengan kerjasama GCH (Malaysia) Sdn Bhd ini, sebanyak 50 sen daripada setiap pembelian produk Dettol yang berharga RM20 di Pasaraya Giant akan disumbang-

kan kepada MyKasih.

Didik orang ramai

“Selain itu, kempen ini bagi mendidik orang ramai mengenai kepentingan mengamalkan kebersihan diri, membantu golongan susah meraikan Ramadan dan Aidilfitri dengan lebih sempurna serta mewujudkan masyarakat sihat di Malaysia.

“Ini juga sebahagian tanggungjawab sosial kami terhadap masyarakat yang dirancang akan diteruskan pada tahun seterusnya, menceritakan penerima dan memberi peluang kepada pembeli untuk menderma pada bulan Ramadan,” katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Replika Cek Sumbangan Kempen Amal Ramadan di Pasaraya Besar

Giant Bandar Kinrara, di sini, baru-baru ini.

Sumbangan itu diserahkan Raghu kepada Pengarah Urusan Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera.

Turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran Runcit GCH, Norine Majaman dan beberapa selebriti tempatan seperti Azura Zainal, Siti Saleha, Gabriella Robinson serta Chloe Chen.

Jeffrey berkata, usaha kedua-dua syarikat terkemuka berkenaan cukup bermakna dalam memberi lebih harapan serta keseronokan kepada golongan kurang berkemampuan menyambut bulan mulia.

“Sebagai sebuah organisasi yang memberikan bantuan perubatan, kesedaran kesihatan dan program celik kewangan, pendidikan kanak-

kanak serta latihan kemahiran kepada golongan kurang bernasib baik di negara ini, MyKasih cukup mengalu-alukan sumbangan seperti itu.

“**Ini juga sebahagian tanggungjawab sosial kami terhadap masyarakat yang dirancang akan diteruskan pada tahun seterusnya**”

Raghu Krishnan,
Pengarah Jualan
Reckitt Benckiser

Headline	Sumbangan RM25,000 ringankan beban MyKasih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Pendidikan	Circulation	192,982
Page No	31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,076
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,227



Raghu (kiri) dan Jeffrey, **dalam majlis Program Kempen Amal Ramadan bersama Dettol.**